



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**SURAT PEKELILING JABATAN KEWANGAN NEGERI
PULAU PINANG BIL. 5 TAHUN 2014**

**Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.**

**GARIS PANDUAN DAN PERATURAN PENUTUPAN AKAUN
TAHUN KEWANGAN 2014**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menetapkan garis panduan dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Pengawal bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2014.

2. PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2014

Untuk mempertingkatkan kualiti Penyata Kewangan Tahun 2014, kerjasama semua Pegawai Pengawal adalah dipohon untuk:

- 2.1** Mematuhi jadual penutupan akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti di *Lampiran A*.
- 2.2** Membuat pengesahan dan penyesuaian vot, hasil dan amanah selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 143(b) dan Pekeliling Perbendaharaan (1PP) WP10.4/2013.
- 2.3** Memastikan semua dokumen kewangan yang diperlukan oleh wakil Ketua Audit Negara (KAN) telah diserahkan tepat pada masanya, lengkap dan sempurna.

3. WARAN PERUNTUKAN

- 3.1** Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua pembayaran dan pelarasan akaun yang dilakukan, mengambilkira baki peruntukan. Sekiranya baki peruntukan tidak mencukupi, pindah peruntukan Mengurus dan Pembangunan bagi semua Objek yang terlibat hendaklah dihantar terus ke Unit Belanjawan, Jabatan Kewangan Negeri untuk dikemaskini dalam sistem SPEKS.

4. PEMBAYARAN

Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk memastikan baucar bayaran yang disediakan adalah lengkap dan teratur sebagaimana Arahan Perbendaharaan 99(a).

4.1 Baucar Bayaran Tahun Semasa

Semua baucar yang disediakan dalam tahun semasa mestilah sampai ke Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri pada atau sebelum **26 Disember 2014**. Kemasukan data pembayaran dalam Sistem SPEKS (Peringkat PTJ) selepas 26 Disember 2014 adalah dianggap sebagai pembayaran lewat dan akan dibatalkan. Baucar-Baucar yang dibatalkan ini bolehlah dikemukakan semula selewat-lewatnya sebelum atau pada **04 Januari 2015**.

4.2 Baucar Akaun Kena Bayar (AKB)

Pembayaran dalam tempoh AKB akan menggunakan peruntukan tahun 2014 dan bermula pada **01 Januari hingga 04 Januari 2015 dengan menggunakan kod 121**.

4.3 Baucar Kuir

Baucar yang mendapat "Pertanyaan Perbendaharaan" melalui skrin kuir SPEKS yang tidak sempat dikembalikan ke Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri sebelum atau pada 26 Disember 2014 boleh dikemukakan semula selewat-lewatnya sebelum atau pada **04 Januari 2015** (dalam tempoh AKB).

4.4 Baucar Bayaran Arahan Perbendaharaan 58(a)

Bagi baucar pembayaran tahun semasa yang tidak sempat dihantar dalam tempoh AKB hendaklah disediakan semula bagi tujuan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Pegawai Pengawal hendaklah memastikan baki peruntukan 2014 adalah mencukupi. Semua baucar bayaran yang dibuat dibawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah disokong dengan Sijil Arahan Perbendaharaan 58(a) dan dokumen sokongan lengkap. Keterangan seperti sebab-sebab berlakunya kelewatan, siapa yang bertanggungjawab di atas kelewatan itu dan baki peruntukan bagi tahun berkenaan hendaklah dinyatakan di dalam Sijil Arahan Perbendaharaan 58(a). Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) akan menggunakan peruntukan tahun 2015.

4.5 Baucar Bayaran Akaun Amanah

Semua Baucar Bayaran Akaun Amanah hendaklah diakaunkan dalam tahun urusan berkenaan dilakukan. Tarikh akhir kunci masuk baucar bayaran Akaun Amanah adalah sebelum atau pada **26 Disember 2014**. Bagi baucar-baucar amanah yang tidak sempat dikunci masuk pada tarikh tersebut dan baucar-baucar yang mendapat 'Pertanyaan Perbendaharaan' melalui skrin kuir SPEKS hendaklah dibuat bayaran dalam **tahun 2015**.

5. PANJAR WANG RUNCIT

5.1 Perbelanjaan Panjar Wang Runcit akhir tahun boleh dibuat **sehingga 26 Disember 2014**.

5.2 Sijil Pengesahan Panjar Wang Runcit seperti pada 31 Disember 2014 hendaklah dicetak dalam 2 salinan selepas rekupan akhir dilakukan dan dihantar kepada Unit Akaun, Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri sebelum atau pada **05 Januari 2015**.

5.3 Panjar Wang Runcit untuk tahun 2015 hanya boleh digunakan selepas penutupan panjar akhir tahun 2014.

6. PENERIMAAN

6.1 Semua Buku Tunai Jabatan Pemungut hendaklah dikemaskini dan diperakui betul oleh Pegawai yang bertanggungjawab. Peraturan penutupan Buku Tunai adalah seperti yang telah ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan 80.

6.2 Semua pungutan hendaklah dimasukkan ke akaun Bendahari Negeri pada **31 Disember 2014** bagi membolehkan pungutan diakaunkan dengan **SEGERA**.

6.3 Kutipan lewat termasuk pada 31 Disember 2014 hendaklah dibankkan pada hari pertama bekerja dalam tahun 2015. Kutipan tahun 2014 yang dibankkan dalam tempoh **01 hingga 02 Januari 2015** mestilah mencatatkan **kod urusniaga 154** (Wang Tunai Dalam Perjalanan) semasa menyediakan Penyata Pemungut.

7 BAUCAR JURNAL PELARASAN

- 7.1** Semua jenis jurnal pelarasan tahun 2014 yang dibuat melalui sistem SPEKS hendaklah diluluskan di peringkat Jabatan/PTJ sebelum atau pada **04 Januari 2015**.
- 7.2** **Jurnal Pelarasan Tahun 2014** yang dikemukakan dalam tempoh 1 Januari hingga 04 Januari 2015 **hendaklah menggunakan kod urusan 164**.

8. AKAUN AMANAH/DEPOSIT

- 8.1** Semua Pegawai Pengawal yang mengurus dan menyelenggara Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 hendaklah menyediakan **Penyata Penerimaan dan Pembayaran Akaun Amanah** berakhir pada 31 Disember 2014 seperti format di **Lampiran B**. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan **kepada Pengarah Audit Negeri** dan satu salinan kepada Unit Akaun, Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri sebelum atau pada **05 Januari 2015**.
- 8.2** Pegawai Pengawal yang mengurus dan menyelenggara akaun deposit perlu menyediakan **Senarai Baki Akaun Deposit** bagi tahun berakhir pada tahun 2014 selaras dengan Arahan Perbendaharaan 159 dan dikemukakan kepada Unit Akaun, Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri dan Pengarah Audit Negeri sebelum atau pada **05 Januari 2015**. Contoh Senarai Baki Akaun Deposit adalah seperti di **Lampiran C**.

9. PENYATA PINJAMAN KENDERAAN/KOMPUTER

9.1 Pegawai Pengawal yang berkenaan adalah dikehendaki menyediakan penyata lengkap senarai nama pegawai-pegawai yang masih mempunyai baki hutang Pinjaman Kenderaan dan Komputer mengikut Arahan Perbendaharaan 159. Maklumat yang dikehendaki ialah :-

No. Akaun	Nama Pegawai dan Kad Pengenalan	Baki Ansuran pada 31-12-2014
XXXXX	XXXXX	XX/XX

9.2 Penyata tersebut hendaklah dihantar kepada Unit Akaun, Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri sebelum atau pada **05 Januari 2015**.

10. PENYATA TUNGGAKAN HASIL

10.1 Pegawai Pengawal adalah dikehendaki menyediakan Penyata Tunggakan Hasil Jabatan yang berakhir pada 31 Disember 2014 menurut Arahan Perbendaharaan 89A seperti format di **Lampiran D**.

10.2 Semua Pemungut yang tidak mempunyai tunggakan hasil, dikehendaki juga mengemukakan Laporan ABT dengan memaklumkan **TIADA** tunggakan pada tempoh tersebut. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada **Unit Hasil Negeri** dengan salinannya kepada Pengarah Audit Negeri sebelum atau pada **05 Januari 2015**.

11. PENUTUPAN

11.1 Ringkasan perkara dan tarikh penyerahan Penutupan Akaun Tahun Kewangan 2014 adalah seperti di **Lampiran A**.

11.2 Semua Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mematuhi peraturan dan tarikh yang ditetapkan bagi semua perkara yang terkandung di dalam surat Pekeliling ini bagi membolehkan penutupan dan seterusnya penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2014 dapat berjalan dengan lancar. Sila hubungi Unit Akaun, Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri sekiranya terdapat sebarang masalah yang berkaitan atau memerlukan penjelasan lanjut.

11.3 Pekeliling ini boleh di akses di laman web Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (<http://jkn.penang.gov.my>).

Sekian, terima kasih.

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t

(DATO' HAJI MOKHTAR BIN MOHD. JAIT)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : Disember 2014

s.k.: Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pulau Pinang.

Akauntan Negara Malaysia
Seksyen Bendahari Negeri, Cawangan Negeri & JMS

Pengarah Audit Negeri
Pulau Pinang

PENYATA TERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI AKAUN AMANAH

.....
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20.....

No Kod Kumpulanwang / Akaun Amanah:

TERIMAAN		BAYARAN	
Butiran	RM	Butiran	RM
Baki pada 1 Januari 20...			
(senaraikan terimaan mengikut jenis dan amaun)		(senaraikan pembayaran mengikut jenis dan amaun)	
		Baki pada 31 Disember 20.....	
Jumlah		Jumlah	

Nota: Baki pada 31 Disember 20..... adalah termasuk pelaburan simpanan tetap di bank Berjumlah RM.....

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

Tandatangan :
 Nama Pegawai :
 Jawatan Pegawai :

Tandatangan :
 Nama Pegawai :
 Jawatan Pegawai :

Cop Jabatan

SENARAI BAKI AKAUN DEPOSIT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Nama Pendeposit	Tarikh Resit	No. Resit	No. Akaun	Jumlah (RM)

.....

(T.T. Pegawai Pengawal)

KEMENTERIAN / JABATAN
PENYATA TAHUNAN TUNGGAKAN HASIL SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2014

Bil Siri	Usia Tunggakan Hasil	Tunggakan Hasil (1) RM	Amaun Hapuskira yang Diluluskan (2) RM	Jumlah Bersih (1) – (2) RM	Tindakan Susulan
1.	Hingga satu (1) tahun				
2.	Lebih dari satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun				
3.	Lebih dari tiga (3) tahun hingga enam (6) tahun				
4.	Lebih dari enam (6) tahun				
5.	Jumlah				

Disahkan bahawa maklumat-maklumat seperti tersebut di atas menunjukkan kedudukan sebenar.

* Tandatangan Pegawai Pengawal / Pemungut :

Nama Pegawai Yang Menandatangani Penyata:

Jawatan :

Tarikh :

- Potong mana yang tidak berkenaan

**JADUAL PENYERAHAN BAGI PENUTUPAN AKAUN
TAHUN KEWANGAN 2014**

Tarikh Akhir/Serahan

1. Jadual Penyerahan Baucar

- | | | |
|-----|---|-----------------------------------|
| 1.1 | Bayaran tahun semasa Vot , Amanah dan Rekupan Panjar Wang Runcit Akhir Tahun 2014 | 26 Disember 2014
(Hari Jumaat) |
| 1.2 | Bayaran Akaun Kena Bayar (AKB) dan Baucar Kuri 2014 (untuk Vot sahaja) | 04 Januari 2015
(Hari Ahad) |
| 1.3 | Baucar Jurnal Pelarasan | 04 Januari 2015
(Hari Ahad) |

2. Jadual Kutipan Hasil dan Penyerahan Dokumen Amanah

- | | | |
|-----|--|----------------------------------|
| 2.1 | Kutipan Hasil 2014 - Penyata Pemungut ke Bank tahun semasa | 31 Disember 2014
(Hari Rabu) |
| 2.2 | Kutipan Hasil 2014 - Penyata Pemungut ke Bank selepas 31 Disember 2014 – Wang Tunai Dalam Perjalanan (Kod Urusniaga 154) | 02 Januari 2015
(Hari Jumaat) |
| 2.3 | Sijil Panjar Wang Runcit | 05 Januari 2015
(Hari Isnin) |
| 2.4 | Penyata Tunggakan Hasil | 05 Januari 2015
(Hari Isnin) |
| 2.5 | Penyata Terimaan Dan Bayaran Akaun Amanah | 05 Januari 2015
(Hari Isnin) |
| 2.6 | Senarai Baki Akaun Deposit | 05 Januari 2015
(Hari Isnin) |
| 2.7 | Sijil Pengesahan Baki Amanah/Deposit | 05 Januari 2015
(Hari Isnin) |
| 2.8 | Penyata Penyesuaian Akaun Amanah/Deposit | 05 Januari 2015
(Hari Isnin) |